



Anugerah Fellowship Naib Canselor - Penyelidikan dan Inovasi *Kategori Inovasi dan Pengkomersilan Produk*

Kluster Sains dan Teknologi

Profesor Dr. Maznah Ismail

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

MAZNAH ISMAIL dilahirkan di Tapah, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Ir. Dr. Abu Bakar Hamidon dan mempunyai 4 orang cahaya mata. Beliau memulakan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru dan seterusnya di Southend College of Technology, England untuk peringkat A-level. Beliau mempunyai kelulusan BSc(Hons) daripada University of Salford, England, MSc daripada Louisiana State University, Baton Rouge, U.S.A dan PhD dalam bidang Biokimia Pemakanan daripada Faculty of Medicine, Universiti of Glasgow, Scotland. Beliau telah berkhidmat di UPM melebihi 34 tahun sebagai Profesor (Biokimia Pemakanan) di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Laboratori Bioubatan Molekul, Institut Biosains, UPM. Sebelum itu beliau pernah menjadi Ketua Jabatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (1994-2002) dan Pengarah, Institut Interim Nutrasutikal dan Farmasutikal Kebangsaan (2004-2006).

Di peringkat antarabangsa Maznah pernah menerima Fellowship Komanwel sebagai Profesor pelawat di Health Sciences Faculty, University of Manitoba, Kanada dan Fellowship International Atomic Energy Agency (IAEA) sebagai saintis pelawat di Institute of Food Research, Norwich, UK. Kemudiannya, beliau memperolehi Fellowship IAEA kali kedua bagi lawatan saintifik pada tahun 2007-2009 ke Free University Berlin, Germany dan Trinity College, University of Dublin, Ireland untuk penyelidikan nanoperubatan. Beliau telah menerima 65 anugerah dan pingat di peringkat antarabangsa, nasional dan UPM. Di antaranya termasuk Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan Negara (2006), Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perdana Menteri, Anugerah Malaysian Toray Science Foundation (MTSF), Anugerah